

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 10 APRIL 2021

SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : 17

HARI : SABTU

179,871 peminjam PTPTN bayar menerusi JomPAY

Kuala Lumpur: Seramai 179,871 peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) membuat bayaran balik pinjaman PTPTN menerusi saluran JomPAY di bawah Peraduan JomPAY and Win! dengan jumlah keseluruhan RM48.8 juta.

Dalam satu kenyataan semalam, PTPTN memaklumkan, seramai 78,498 peminjam pula layak menyertai peraduan berkenaan yang diadakan bermula 1 November 2020 hingga 31 Januari lalu.

"Peraduan JomPAY and Win! pada kali ini menawarkan hadiah wang tunai berbentuk bayaran balik pinjaman kepada peminjam. Bagi pemenang yang mempunyai jumlah baki pinjaman ku-

rang daripada nilai hadiah yang dimenangi, sebarang lebihan daripada hadiah berkenaan akan dimasukkan ke dalam akaun simpanan SSPN-i pemenang," kata kenyataan itu.

Katanya, peraduan terbuka kepada semua peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik pinjaman melalui saluran dalam talian JomPAY, dengan peminjam perlu membuat bayaran balik dengan nilai minimum RM100 untuk melayakkan peminjam mendapat satu cabutan peraduan.

"Hadiah disediakan lumayan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM60,000 untuk 65 pemenang. Hadiah pemenang utama, RM10,000, disusuli kedua,

RM8,000 dan ketiga RM5,000, manakala tempat keempat dan kelima, masing-masing RM4,000 dan RM3,000.

"Hadiah pemenang sagu hati pula adalah RM500 untuk setiap 60 pemenang. Nilai hadiah yang ditawarkan ini ditaja sepuhnya oleh pihak PayNet," kata PTPTN.

Jelasnya, dengan lebih dari 8,000 pengebil di seluruh negara, JomPAY adalah perkhidmatan pembayaran bil dalam talian terbesar di Malaysia yang menawarkan kemudahan perkhidmatan pembayaran kepada pelanggan melalui mana-mana 42 bank di Malaysia.

Kenyataan itu menjelaskan, AmBank sudah mencatatkan per-

tumbuhan mencecah 115 peratus dalam nilai kutipan JomPAY untuk PTPTN daripada RM116,917,339 (2017) kepada RM251,707,240 (2020) dan dalam tempoh sama, jumlah transaksi meningkat sebanyak 186 peratus daripada 332,511 (2017) kepada 952,783 (2020).

Sementara itu, Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid, berkata kolaborasi agensi itu dan Kumpulan AmBank serta Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) adalah bukti komitmen dan kesungguhan perbadanan berkenaan untuk memastikan peminjam me-

laksanakan bayaran balik dengan cepat, mudah dan selamat.

"PTPTN sentiasa mengalu-alukan pembabitan syarikat korporat lain untuk turut sama mengadakan kerjasama berbentuk kempen, peraduan mahupun sumbangan dalam bentuk bayaran balik pinjaman bagi membantu peminjam menyelesaikan pinjaman PTPTN mereka atau sebagai simpanan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)," katanya.

Senarai pemenang Peraduan JomPAY and Win! boleh diperoleh melalui portal rasmi www.ptptn.gov.my. Pemenang juga boleh membuat semakan berkenaan wang tunai yang dimengani pada penyata pinjaman dan SSPN-i masing-masing bermula 16 Mac lalu.